

SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN
PERTANDINGAN DEBAT YAYASAN SELANGOR KALI KE-12 TAHUN 2021

1. AM

- 1.1 Peraturan ini diterima pakai untuk Pertandingan Debat Bahasa Melayu Yayasan Selangor Kali Ke-12 Tahun 2021.
- 1.2 Tafsiran peraturan ini ialah hak mutlak Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan. Keputusan Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan adalah muktamad.
- 1.3 Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan mempunyai hak untuk meminda sebarang peraturan sebelum permulaan pertandingan sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa.
- 1.4 'Penyelaras Pertandingan' dan 'panel hakim' bermaksud individu yang dilantik oleh pihak penganjur untuk memegang jawatan-jawatan yang tersebut.
- 1.5 'Ketua Hakim' adalah individu yang dilantik oleh penganjur untuk mengatur selia urusan teknikal dan penghakiman pertandingan debat.

2. PENYERTAAN

- 2.1 Pendebat mestilah murid sekolah peringkat menengah tingkatan 1 hingga tingkatan 5. Setiap pasukan adalah terdiri daripada 4 orang pendebat.
- 2.2 Yuran pertandingan setiap penyertaan ialah RM200 sahaja bagi setiap pasukan.

2.3 Yuran penyertaan hendaklah dilunaskan setelah mendapat pengesahan pendaftaran daripada penganjur dan sesegera mungkin sebelum pertandingan bermula iaitu selewat-lewatnya sebelum atau pada 26 November 2021.

2.4 Yuran penyertaan hendaklah dibayar ke dalam akaun bank berikut:

Nombor akaun : 0912012000329
Nama akaun : YAYASAN SELANGOR
Nama Bank : AMBANK
Rujukan : DPYS12
Maklumat Pembayaran : Nama Institusi

3. SISTEM PERTANDINGAN

3.1 Pertandingan diadakan secara dalam talian melalui aplikasi **“Streamyard”** dan **“Google Meet”** yang menggunakan capaian internet peserta sendiri. Penganjur tidak bertanggungjawab atas sebarang kos yang ditanggung atau masalah yang disebabkan capaian Internet peserta sewaktu perlawanan.

3.2 Pertandingan ini akan menggunakan sistem ‘power match berkumpulan’ (kaedah ‘Swiss Bracket’) untuk pusingan awal. Sistem ini akan digunakan untuk menentukan pasukan yang akan berlawan dan juga peranan mereka sebagai kerajaan atau pembangkang.

3.3 Penentuan perlawanan untuk perdebatan yang pertama akan dilakukan oleh sistem secara rawak. Selepas perdebatan yang pertama, setiap pasukan akan ditentukan kedudukan mereka. Penentuan perlawanan untuk perdebatan yang kedua akan ditentukan mengikut kedudukan pasukan selepas pusingan pertama. Kriteria- kriteria yang akan diambil kira untuk menentukan kedudukan pasukan adalah seperti yang berikut:

- a) menang / kalah
- b) juri (jika sesuai)
- c) margin
- d) markah

3.4 Penentuan peranan (kerajaan/pembangkang) untuk perdebatan pertama akan ditentukan secara rambang. Penentuan peranan (kerajaan/pembangkang) untuk perdebatan yang seterusnya akan ditentukan mengikut peranan setiap pasukan dalam perdebatan yang sebelumnya.

3.5 Penentuan peranan (kerajaan/pembangkang) untuk perdebatan pusingan kalah mati adalah dibuat berdasarkan undian di hadapan ketua pasukan masing-masing.

3.6 Selepas selesai kesemua pertandingan dalam pusingan awal, kedudukan pasukan akan ditentukan semula bagi penentuan pasukan yang layak ke pusingan kalah mati berdasarkan kriteria-kriteria berikut:

- a) menang / kalah
- b) juri (jika sesuai)
- c) margin
- d) markah

3.7 Penentuan pasukan untuk pusingan menang mara (Bermula dari Pusingan Suku Akhir) adalah seperti berikut:



4. MASA PERSEDIAAN

- 4.1 Usul perdebatan akan dimaklumkan 30 minit sebelum permulaan perdebatan. Sebarang masa perjalanan adalah termasuk dalam 30 minit berkenaan. Perbincangan hanya boleh disertai oleh empat (4) orang pendebat yang mengambil bahagian SAHAJA. Penggunaan telefon bimbit atau alat-alat komunikasi lain bagi tujuan pencarian maklumat adalah dibenarkan.
- 4.2 Mana-mana pasukan yang gagal menghadiri perdebatan selepas 15 minit dari masa permulaan perdebatan akan dikira kalah. Ketua Hakim akan memberikan kemenangan kepada pasukan yang hadir dengan margin tiga (3) dan juri 1-0 secara automatik.
- 4.3 Walau bagaimanapun, faktor-faktor lain yang mengakibatkan masalah teknikal dan perjalanan perdebatan **boleh dipertimbangkan** di bawah **budi bicara** Ketua Hakim sahaja.

5. FORMAT PERDEBATAN

- 5.1 Perdebatan dijalankan dalam Bahasa Melayu mengikut gaya ala Parlimen Malaysia. Setiap pusingan debat mempunyai dua (2) pasukan iaitu pasukan kerajaan (pencadang) dan pasukan pembangkang. Setiap pasukan terdiri daripada tiga (3) orang pendebat utama dan seorang (1) pendebat simpanan.
- 5.2 Pasukan kerajaan terdiri daripada Perdana Menteri dan dua (2) orang anggota kerajaan manakala pasukan pembangkang terdiri daripada Ketua Pembangkang dan dua (2) orang anggota pembangkang.
- 5.3 Setiap pendebat perlu menyampaikan ucapan substantif. Ucapan gulungan bagi pihak kerajaan dan pembangkang boleh disampaikan sama ada oleh pendebat pertama atau kedua daripada pihak masing-masing.
- 5.4 Had waktu dan susunan ucapan bagi setiap pendebat adalah seperti berikut:

Ucapan Substansif

a. Perdana Menteri / Pencadang Pertama	7 minit
b. Ketua Pembangkang / Pembangkang pertama	7 minit
c. Anggota Pertama Kerajaan / Pencadang Kedua	7 minit
d. Anggota Pertama Pembangkang / Pembangkang Kedua	7 minit
e. Anggota Kedua Kerajaan / Pencadang Ketiga	7 minit
f. Anggota Kedua Pembangkang / Pembangkang Ketiga	7 minit

Ucapan Penggulungan

a. Penggulungan / Rumusan Pembangkang	4 minit
b. Penggulungan / Rumusan Kerajaan	4 minit

- 5.5 Untuk setiap ucapan substantif, loceng akan dibunyikan sekali setelah satu (1) minit masa berlalu bagi menandakan pasukan lawan sudah boleh melakukan celahan/meminta penjelasan, dan sekali lagi pada satu minit terakhir bagi menandakan masa untuk membuat celahan telah tamat. Loceng akan dibunyikan dua kali apabila masa untuk berucap telah tamat.
- 5.6 Untuk ucapan penggulungan, loceng akan dibunyikan sekali pada permulaan minit ketiga dan dua kali apabila masa ucapan telah tamat.
- 5.7 Pendeбат yang melebihi had masa berucap sehingga 30 saat akan diberi amaran oleh Yang DiPertua Dewan (Speaker). Pendeбат akan diminta menamatkan ucapan.

6. PERANAN SETIAP PASUKAN

- 6.1 Peranan pihak kerajaan adalah untuk menyokong usul. Mereka perlu mendefinisikan usul, memberikan hujahan/kes yang menyokong usul, dan membidas sebarang cabaran yang diberikan oleh pihak pembangkang terhadap hujahan usul mereka.
- 6.2 Peranan pihak pembangkang adalah untuk membangkang usul. Mereka perlu memberikan hujahan/kes yang membangkang usul, dan membidas sebarang cabaran yang diberikan oleh pihak kerajaan terhadap hujahan usul mereka. Mereka boleh memilih untuk menjawab definisi kerajaan sama ada MENERIMA atau MENOLAK definisi berkenaan.

7. PENGHAKIMAN

- 7.1 Seboleh-bolehnya setiap perdebatan akan dihakimi oleh satu panel hakim. Bilangan hakim mestilah ganjil.

- 7.2 Pada pusingan awal, seorang hakim akan bertindak sebagai Yang Di Pertua Dewan dan akan digelar Tuan/Puan Yang Di Pertua atau akan ditugaskan pada mana-mana AJK yang berkenaan. Dalam pusingan akhir, Yang Di Pertua tidak perlu dilantik dalam kalangan panel hakim yang bertugas.
- 7.3 Yang Di Pertua Dewan bertanggungjawab menjemput pendebat berucap, menjaga ketertiban majlis dan tertakluk kepada peraturan ini, membuat keputusan tentang sebarang aspek tatacara dan prosedur perdebatan yang mungkin dipertikaikan.
- 7.4 Para hakim mestilah:
- a. Mencatat keputusan menang/kalah. Keputusan seri tidak dibenarkan.
 - b. Keputusan boleh samada sebulat suara atau majoriti.
 - c. Tidak menyampuk atau memberikan sebarang komen semasa perdebatan berjalan.
- 7.5 Ketua Hakim mestilah mengisytiharkan keputusan kepada pasukan yang bertanding dan memberi alasan/sebab terhadap keputusan yang dicapai oleh panel hakim dalam komentar yang tidak melebihi 10 minit.
- 7.6 Panel juri tidak boleh berbincang dan mestilah mencapai keputusan dengan sendiri.
- 7.7 Jika keputusan sebulat suara tidak dapat dicapai, maka keputusan majoriti akan diterima pakai. Pindaan terhadap sebarang keputusan tidak dibenarkan selepas penyerahan undi.

8. PEMARKAHAN

8.1 Setiap ucapan substantif akan diberi markah maksimum 100 markah berdasarkan kepada :

- | | |
|---------------------|-----------|
| a. Isi | 40 markah |
| b. Gaya/Penyampaian | 40 markah |
| c. Tatacara/Kaedah | 20 markah |

8.2 Isi akan diadili dari segi kesesuaian dengan usul yang diperdebatkan, penghuraian dan penjelasan hujah, pembuktian, fakta dan contoh untuk menyokong kes pasukan. Jawapan kepada celahan yang diterima serta bidasan adalah sebahagian daripada isi.

8.3 Gaya penyampaian akan diadili dari segi kesesuaian dan keberkesanan gaya penyampaian hujahan. Penyampaian yang mempunyai nilai bujukan yang tinggi serta dapat menarik perhatian penonton akan dipandang positif oleh hakim (dengan syarat ianya membantu hujahan).

8.4 Tatacara akan diadili dari segi:

- Keberkesanan penyusunan dan struktur ucapan pendapat;
- Keberkesanan penyusunan dan struktur kes sesuatu pasukan secara keseluruhan;
- Kesinambungan hujah/fakta; dan
- Kerja sepasukan.

8.5 Ucapan penggulungan akan diberikan markah maksimum 50 berdasarkan nisbah pemarkahan ucapan substantif seperti yang tersebut di atas.

- 8.6 Kriteria utama pemarkahan adalah nilai bujukan ucapan iaitu sejauh mana ucapan itu benar-benar meyakinkan dan memberikan sokongan terhadap usul yang diperdebatkan.
- 8.7 Penggunaan bahan bantuan luar (buku, carta, majalah dan selainnya) semasa perdebatan berlangsung adalah dilarang sama sekali.
- 8.8 Semua peserta hendaklah berkelakuan sopan dan penuh tertib semasa pertandingan.

9. FAKTA BAHARU

- 9.1 Tiada sebarang 'fakta baharu' dibenarkan bagi disampaikan dalam ucapan substantif pendebat ketiga dan ucapan gulungan mana-mana pasukan (kerajaan atau pembangkang). Contoh baharu ialah bukan fakta baharu. Hujahan atau fakta dikira "baharu" kecuali:
- a. Telah digunakan dalam mana-mana hujahan terdahulu; dan
 - b. Merupakan bidasan terhadap hujahan pasukan lawan.

10. DEFINISI

- 10.1 Tugas memberikan definisi usul perdebatan yang wajar dan boleh dibahaskan adalah hak dan tanggungjawab pihak kerajaan.
- 10.2 Pihak pembangkang boleh:
- a. menerima definisi kerajaan secara keseluruhan/mutlak; atau
 - b. menolak secara keseluruhan/mutlak dan mengemukakan definisi alternatif.

10.3 Pihak pembangkang boleh menolak definisi pihak kerajaan secara keseluruhannya hanya jika:

- a. Definisi pihak kerajaan tidak mempunyai kaitan yang kuat dengan maksud sebenar usul;
- b. Definisi pihak kerajaan adalah 'truistik', iaitu tidak boleh dibangkang dengan hujahan rasional; atau/dan
- c. Definisi pihak kerajaan berdasarkan kepada pendefinisian yang terlalu spesifik ataupun hanya melibatkan masa dan tempat yang tidak masuk akal.

11. CELAHAN

11.1 Celahan/Penjelasan dalam konteks ini bermaksud penjelasan yang diminta oleh pihak lawan bagi memperjelaskan fakta penting yang ditimbulkan oleh pendebat yang sedang berucap. Penjelasan/celahan hendaklah ringkas dan bersangkutan dengan apa yang sedang dibincangkan oleh pendebat tersebut. Markah akan diberikan untuk celahan dan jawapan celahan yang efektif/berkesan.

11.2 Pendebat yang sedang berucap mempunyai hak mutlak sama ada menerima atau menolak celahan penjelasan yang cuba diberikan. Bagaimanapun, penolakan penjelasan yang berterusan atau penerimaan yang keterlaluan sehingga menjejaskan kualiti ucapan pendebat tersebut harus dipandang serius oleh hakim. Adalah disyorkan supaya setiap pendebat menerima sekurang-kurangnya dua (2) penjelasan. Walau bagaimanapun, pertandingan ini tidak menetapkan had maksimum atau minimum bagi setiap pendebat menerima penjelasan/celahan.

11.3 Penjelasan yang diberikan hendaklah tidak melebihi 15 saat. Loceng akan dibunyikan selepas masa 15 saat. Jika penjelasan/celahan belum selesai, pendebat yang memberi penjelasan/celahan hendaklah duduk serta merta.

- 11.4 Penjelasan tidak boleh diminta sebelum berakhir minit pertama dan pada minit terakhir mana-mana ucapan substantif. Loceng akan dibunyikan sekali menandakan permulaan dan sekali lagi bagi menandakan pengakhiran waktu meminta penjelasan yang dibenarkan. Penjelasan tidak boleh diminta dalam ucapan penggulungan.
- 11.5 Hanya ahli daripada pihak lawan yang boleh meminta penjelasan. Pendebat hendaklah memberi isyarat jika ingin mencelah dengan cara yang sesuai seperti berdiri, mengangkat tangan, membuat permohonan dan sebagainya.
- 11.6 Pendebat yang sedang berucap boleh menerima atau menolak penjelasan dengan memberi isyarat fizikal atau memberitahu secara lain. Jika ditolak, pendapat yang ingin meminta penjelasan hendaklah duduk dan menunggu peluang lain.
- 11.7 Apabila penjelasan diterima, pendebat yang sedang berucap tidak boleh menjawab selagi pendebat yang meminta penjelasan belum selesai mencelah atau peruntukan masa selama 15 saat yang diberikan belum selesai (mana yang terdahulu). Pendapat tidak wajar memotong penjelasan penjelasan yang telah diminta oleh pihak lawannya apabila telah diterima.

12. BANTAHAN SEMASA PERDEBATAN SEDANG BERLANGSUNG

- 12.1 Bantahan dalam konteks ini adalah bantahan yang diajukan oleh pendebat kepada Yang Di Pertua Dewan semasa perdebatan sedang berlangsung bagi menarik perhatian beliau terhadap pelanggaran sebarang peraturan perdebatan seperti:
- a. Penggunaan aksi atau bahasa yang kurang sopan dalam perdebatan, atau
 - b. Pengenalan fakta baharu semasa ucapan substantif pendebat ketiga atau penggulungan, atau
 - c. Mana-mana pendebat yang telah melebihi 30 saat had masa yang diperuntukkan.

12.2 Menjadi tanggungjawab setiap pasukan untuk menyuarakan bantahan terhadap sebarang pelanggaran peraturan. Keputusan Yang Di Pertua Dewan sama ada untuk menerima atau menolak bantahan yang dikemukakan adalah muktamad.

12.3 Jika bantahan diterima, Yang Di Pertua Dewan boleh mengarahkan pendebat yang terbabit agar mematuhi peraturan yang dibangkitkan dan masa yang digunakan untuk membuat bantahan akan dikira dari masa pendebat yang sedang berucap. Sebaliknya jika bantahan ditolak, pendebat terbabit akan diberikan masa tambahan bagi menggantikan masa yang telah digunakan semasa bantahan tersebut.

13. RAYUAN

13.1 Keputusan hakim adalah muktamad.

13.2 Sekiranya terdapat apa-apa bantahan teknikal, sila kemukakannya secara bertulis kepada Ketua Hakim Teknikal dan Penghakiman secepat mungkin selepas selesai sesuatu pertandingan.

13.3 Jika pihak penganjur mendapati berlaku sebarang kesilapan atau kecacatan semasa pengendalian sesuatu perdebatan (yang berkaitan dengan perkara teknikal sahaja), usaha akan dibuat agar tidak ada kepentingan mana-mana pihak yang terjejas. Jika perlu, hakim dan peserta akan diberitahu tentang isu berbangkit agar tidak berulang.

14. USUL PERDEBATAN

14.1 Usul-usul perdebatan untuk setiap pusingan hanya akan diumumkan kepada peserta 30 minit sebelum pertandingan bermula. Walaubagaimanapun, senarai usul untuk keseluruhan pertandingan akan diedarkan awal seminggu sebelum pertandingan berlangsung.

14.2 Usul-usul akan merangkumi isu norma baharu dan isu semasa sama ada dalam dan luar negara.

15. KESTABILAN CAPAIAN INTERNET

15.1 Para peserta perlu jelas bahawa capaian internet adalah di bawah tanggungan sendiri, jadi adalah dinasihatkan untuk para peserta memastikan bahawa capaian internet yang digunakan ketika pertandingan sentiasa dalam keadaan yang stabil.

15.2 Sekiranya ada peserta yang sedang berucap dan melebihi minit kelima tetapi terputus capaian internet, masa maksimum yang boleh diberikan untuk peserta masuk semula ke platform ialah 5 minit dan menyambung ucapan tanpa masa tambahan, sekiranya masih tidak dapat masuk semula ke platform, pertandingan akan diteruskan dengan giliran pendebat yang seterusnya.

15.3 Sekiranya peserta yang sedang berucap baru minit ketiga dan terputus capaian internet, peserta hendaklah pantas membuat keputusan sama ada;

- a. Maksimum 5 minit diberikan kepada pendebat untuk masuk semula ke platform dan menyambung ucapan tanpa masa tambahan; atau
- b. Rakan sepasukan boleh menghubungi pendebat yang terputus capaian internet dan *loudspeaker* agar didengari oleh pihak lawan dan panel juri.

15.4 Walau bagaimanapun, semua masalah yang melibatkan capaian internet di bilik sidang masing-masing, akan dinilai dan ditentukan mengikut budi bicara Ketua Hakim yang ditugaskan di bilik tersebut. Sebaiknya berunding dan memaklumkan segera pada Ketua Hakim yang bertugas pada pusingan tersebut.